

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 6 December 1983 > Page 4 > Kisah di sebalik batu nisan Tan Chay Wa

Kisah di sebalik batu nisan Tan Chay Wa

Berita Harian, 6 December 1983, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL14352

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Kisah di sebalik batu nisan Tan Chay Wa

Susunan SALIM OSMAN

Kes batu nisan

AMATLAH sukar untuk mempercayai hakikat bahawa orang yang sudah mati (dan batu nisan di kuburannya) masih boleh mempengaruhi insan yang masih hidup. Dalam setengah-setengah kejadian, ia masih boleh menghasut orang yang masih hidup agar mengganas, membunuh dan membuat kacau-bilau. Demikianlah cebisan kisah yang didedahkan dalam perbincangan seorang penternak ikan, Tan Chu Boon, yang didapati bersalah memiliki batu nisan mendiang adiknya, Tan Chay Wa, seorang pengganas komunis, yang diukir dengan perkataan-perkataan yang menganjurkan tindakan yang membahayakan keselamatan Singapura. Chu Boon dihukum penjara satu tahun oleh mahkamah daerah dan sekarang dia bebas dengan ikat-jamin \$20,000 sementara menantikan keputusan rayuannya di mahkamah. Berikut ialah latarbelakang kes tersebut.

PERBICARAAN seorang penternak ikan, Tan Chu Boon, yang didapati bersalah memiliki batu nisan yang diukir dengan kata-kata yang mendewa-dewakan fahaman komunis serta menghasut orang ramai supaya mengganas adalah satu kes yang menarik sekali.

Mungkin orang ramai akan bertanya bagaimana sebuah batu nisan di kuburan Chua Chu Kang itu boleh membahayakan keselamatan negara.

Apakah yang boleh dilakukan oleh si mati atau pun batu nisan yang tercacak di kuburannya?

Tetapi hakikat yang sebenar ialah kes itu

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
6 December 1983Reel Number:
NL14352

Scroll to Top

Share

Table of Contents

< Previous

Page 4 ▾

Next >

SIAPA BERKUASA DI DAMSYIK?

SIAPA BERKUASA DI DAMSYIK? SIAPAKAH yang kini memerintah di Syria? Soalan mi timbul di tengatengah

Tukilan Hari Ini

Tukilan Hari Ini ADALAH menadii kepercayaan pemerintah bahawa pengetahuan dan kefahaman

Mutiara Kata

Mutiara Kata ADA kalangan yang membezakan kehidupan bermoral dengan agama, tetapi hakikotnya

View Full Table of Contents >

narus minat dalam konteks yang lebih luas iaitu ancaman komunis yang masih lagi nyata hari ini.

Pengganas-pengganas komunis masih lagi giat di rimba Malaysia dan Thai-

land. Mereka barangkali akan menjadi lebih berani dan galak dengan bersatunya dua golongan dalam Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah berpisah sebelum ini.

Di kawasan-kawasan bandar seperti Singapura, anasir-anasir PKM dan cawangan-cawangan bawah tanahnya seperti Barisan Pembebasan Kebangsaan Malaya (MNLF) masih lagi 'hidup' walaupun tidak segalak dulu.

Di negara-negara Barat seperti Britain, petualang-petualang turut menjayakan pergerakan komunis itu menerusi berbagai pertubuhan yang kononnya memperjuangkan hak-hak asasi manusia seperti Ikatan Pelajar-Pelajar Malaysia dan Singapura di United Kingdom dan Eire (Fuemsso) masih bergerak aktif dari jauh.

Walaupun bergerak

menerusi pertubuhan dan tempat yang berlainan, matlamat mereka tetap satu iaitu berusaha untuk menggulingkan kedua-dua kerajaan dan pemerintah di Malaysia dan Singapura dan menggantikannya dengan rejim komunis.

Pergerakan mereka yang begitu licin begitu ketara dalam kes batunisan ini.

GULING

Adik Chu Boon iaitu Tan Chay Wa, seorang pengganas komunis yang telah menjalani hukuman gantung di Penjara Pudu, Kuala Lumpur, pada Januari tahun ini setelah didapati bersalah memiliki senjata dalam 1961 telah dijadikan sebagai "wira" oleh mereka.

Chay Wa, seorang warga Singapura yang

terlibat aktif dalam kegiatan Barisan Pembebasan Kebangsaan Malaya (MNLF) dalam tahun-tahun 1970 adalah pengganas yang bersungguh-sungguh mahu menggulingkan pemerintah Singapura dan Malaysia untuk membentuk satu rejim komunis.

Chay Wa telah melarikan diri ke Malaysia dalam 1976 bila pemerin-

tah Singapura melancarkan satu gerakan menentang komunis.

Bagaimanapun dia ditangkap oleh pihak berkuasa di sana tiga tahun kemudian kerana memiliki sepucuk pistol. Dia telah dibicarakan dan kemudian didapati bersalah di bawah Peraturan Penting (Kes-Kes Keselamatan) atau Escar yang mewajibkan hukuman mati bagi kesalahan tersebut.

Setelah menjalani hukuman gantung, jenazah Chay Wa telah dibawa ke sini oleh abangnya, Chu

Boon, yang telah "menghiasi" kuburnya dengan batu nisan yang mendewadewakan cita-cita komunis.

Sebelum dia dihukum, Fuemsso yang beribupejabat di London telah berkempen di merata Eropah untuk mendapatkan sokongan antarabangsa bagi mendesak Malaysia memansuhkan undang-undang keselamatannya dan membebaskan Chay Wa, tanpa menyatakan lelaki itu adalah penganas komunis.

Orang-orang yang menjadi tulang belakang kempen itu ialah Tan Wah Piow, bekas Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Singapura dan Ho Juan Thai, bekas calon pilihanraya Parti Pekerja. Kedua-dua mereka adalah banduan Singapura yang

melarikan diri dari dakwaan undang-undang.

Kempen Fuemsso begitu meluas dalam memajukan cita-cita komunis dengan mengedarkan propaganda yang memburuk-burukkan Singapura dan mendewadewakan Chay Wa sebagai "korban perjuangan" komunis dalam majalah mereka *Fijar* (atau Fikiran Pelajar).

HASUT

Sementara Fuemsso begitu aktif di dunia Barat, PKM pula sibuk menyiarkan propaganda yang sama menerusi Radio Suara Revolusi Malaya setiap hari.

Radio komunis itu memetik kenyataan-kenyataan Fuemsso bukan saja untuk mendesak agar undang-undangkeselamatan

tan dibubarkan tetapi memburuk-burukkan keadaan Singapura dan Malaysia.

Biarpun gerakan mereka gagal melepaskan

pengganas itu dari tali gantung, usaha mendewasakan Chay Wa diteruskan menerusi batu nisan yang diukir dengan kata-kata subversif.

Semasa perbincangan Chu Boon, Encik Chai Choong Loong, bekas anggota MNLF yang kini bertugas dengan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (ISD), berkata bahawa perkataan-perkataan di batu nisan itu bertujuan menghasut orang ramai supaya mencontohi "semangat Chay Wa yang sedia berkorban untuk cita-cita komunis".

Terdapat juga

perkataan-perkataan yang mendakwa Chay Wa mati kononnya "kerana perjuangan pembebasan tanah air".

Bila komunis bercakap mengenai 'tanah air' mereka bermaksud Semenanjung Malaysia dan Singapura sebagai satu negeri, kata Encik Chai. Bila mereka menyebut pula 'perjuangan pembebasan' mereka maksudkan gerakan menggulingkan pemerintah kedua-dua negara dengan cara keganasan.

Demikianlah cebisan dari segala kempen sekitar kes ini yang hanya menggariskan hakikat bahawa ancaman komunis yang begitu bahaya pada masa lalu masih lagi nyata hari ini.

Ia memerlukan kita supaya terus waspada.



UKIRAN di batu nisan kuburan Tan Chay Wa yang dihukum gantung di Penjara Pudu, Kuala Lumpur, Januari lalu mempunyai kata-kata yang bertujuan menghasut orang ramai agar mencontohi "semangat Chay Wa yang sedia berkorban untuk cita-cita komunis", kata Encik Chai Choong Loong, bekas anggota MNLF yang kini bertugas di ISD.



UKIRAN di batu nisan kuburan Tan Chay Wa yang dihukum gantung di Penjara Pudu, Kuala Lumpur, Januari lalu mempunyai kata-kata yang bertujuan menghasut orang ramai agar mencontohi “semangat Chay Wa yang sedia berkorban untuk cita-cita komunis”, kata Enck Chai Choong Loong, bekas anggota MRLF yang kini bertugas di ISD.

Related Articles



Fuemsso pro-komunis

Berita Harian 6 December 1983

Fuemsso pro-komunis IKATAN Pelajar Pelajar Malaysia dan Singapura di U...

Saksi: Rangkap sajak pada batu nisan galak anti-pemerintah

Berita Harian 24 November 1983

Saksi: Rangkap sajak pada batu nisan galak anti-pemerintah Oleh MAFOOT...

Dua banduan yang lari dari undang2

Berita Harian 6 December 1983

Dua banduan yang lari dari undang2 DUA orang pemnda Singapura yang

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29